

Jangan mudah terpedaya upah haji murah

U sah terperanjat, jika ramai yang terperangkap dengan tawaran upah haji murah. Malah, ada yang menawarkan khidmat serendah RM1,500 bagi setiap penama seperti dipaparkan *BH*. Hal ini secara tidak langsung mengelirukan masyarakat kerana upah haji yang berbeza harganya memberikan persepsi lain kepada mereka yang mengenakan atau mengambil bayaran upah haji yang mahal.

Persoalan yang timbul di benak masyarakat, benarkah ada yang mendakwa jika penama membayar upah haji yang mahal, maka segala tatacara pelaksanaan ibadah haji akan dilakukan dengan sempurna? manakala upah haji yang murah,

akan mendapat hasil pelaksanaan yang lebih kurang sahaja.

Hakikatnya, tidak dinafikan bahawa upah haji yang ditawarkan oleh pelbagai agensi mempunyai harga berbeza. Perbezaan harga pakej sama ada yang murah ataupun mahal bergantung pada tawaran dan jenis pakej dibuat agensi yang menawarkan khidmat berkenaan.

Apa pun, bayaran upah haji yang terlalu murah dengan ketiadaan bukti ditunjukkan kepada waris akan menimbulkan tohmahan yang akhirnya akan menyebabkan masyarakat Islam keliru dan tertipu.

Kini dianggarkan kos badal haji adalah sekitar 3,000 riyal (RM3,350) merangkumi bayaran

tasrih/lesen (1,000 riyal), pengangkutan (800 riyal), makan minum (200 riyal), cenderahati (100 riyal) dan upah bersih petugas badal haji (900 riyal).

Kita berasa khuatir sekiranya masyarakat Islam terperangkap dengan iklan memanipulasi masyarakat Islam dengan tawaran upah haji yang terlalu murah. Rata-rata agensi yang mengendalikannya perjalanan umrah dan haji, memberikan respons bahawa upah sebanyak RM3,000 juga masih belum berpadanan.

Perlu ambil perhatian

Masyarakat Islam harus cakna dan mengambil perhatian bahawa upah haji yang terlalu murah dengan tidak disertakan sijil

pembuktian, perlu diragui. Oleh itu berhati-hati memilih agensi yang menawarkan khidmat badal haji atau upah haji.

Umum mengetahui bahawa Kerajaan Arab Saudi mula mengenakan bayaran ke atas pengupah haji, termasuk bayaran untuk sewaan khemah apabila berada di Arafah kelak.

Justeru, sudah tentu bayaran upah haji akan meningkat dengan lebih tinggi lagi. Selama ini pengambil upah haji di Makkah tidak dikenakan apa-apa bayaran oleh kerajaan Arab Saudi.

Sebagai insan yang bertanggungjawab, apabila ada pihak menawarkan upah haji murah, waris seharusnya bertanya kembali, apakah yang boleh diberikan agensi terbabit sebagai bukti ibadah haji itu dilaksanakan.

Agensi yang menawarkan khidmat badal haji dan umrah

juga digesa menjalankan amanah diberikan dengan telus dan jujur. Ini untuk memastikan kepercayaan diberi oleh waris atau penama dipelihara sepenuhnya dan terhindar dari anasir negatif yang boleh mencemar institusi agama Islam sebagai agama yang membawa rahmat kepada manusia.

Usaha penguatkuasaan juga perlu lebih dipergiatkan sama ada menghantar pulang pelajar Malaysia yang melakukan upah badal haji atau umrah tanpa lesen atau membatalkan lesen agensi badal haji atau umrah yang gagal menunjukkan bukti bahawa ibadah berkenaan dilaksanakan.



Dr Nurkhamimi Zainuddin,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM